

MAXITROL SUSPENSION EYE DROP

Dexamethasone / Neomycin Sulfate / Polymyxin B Sulfate (1mg / 3,500 IU / 6,000 IU)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Maxitrol Suspension
2. Bagaimana Maxitrol Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Maxitrol Suspension
4. Cara menggunakan Maxitrol Suspension
5. Semasa menggunakan Maxitrol Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Maxitrol Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Maxitrol Suspension

Maxitrol digunakan untuk keradangan mata dan jangkitan bakteria di bahagian luar mata.

Bagaimana Maxitrol Suspension berfungsi

Maxitrol menggabungkan dua antibiotik, neomycin sulfat dan polymyxin B sulfat, yang mempunyai aktiviti antibakteria spektrum luas dengan aktiviti anti-radang kortikosteroid, dexamethasone, untuk memerangi jangkitan mikrob tertentu.

Sebelum menggunakan Maxitrol Suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Maxitrol Suspension

- Jika anda alah kepada dexamethasone, neomycin, polymyxin B atau bahan-bahan kandungan Maxitrol Suspension yang lain.
- Jika anda rasa anda mempunyai:
 - Herpes simplex keratitis, Smallpox, Chickenpox / Herpes Zoster, atau sebarang jangkitan virus lain pada mata

- Penyakit penyakit fungal mata atau jangkitan mata parasit yang tidak dirawat
- Tuberkulosis mata

Keselamatan dan keberkesanan MAXITROL pada kanak-kanak belum dibuktikan.

Mengandung dan menyusukan anak

Sekiranya anda sedang mengandung atau menyusui, anda rasa anda mungkin mengandung atau merancang untuk mendapatkan bayi, tanya doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini. Maxitrol Suspension tidak digalakkan semasa mengandung atau menyusui.

- Sebelum mula menggunakan Maxitrol Suspension

- Jika anda mengalami tindak balas alahan dengan Maxitrol Suspension, hentikan penggunaan dan bincang dengan doktor anda. Reaksi alahan mungkin berbeza dari gatal-gatal setempat atau kemerahan kulit kepada tindak balas alahan yang teruk (tindak balas anaphylactic) atau reaksi kulit yang serius. Reaksi alergi ini boleh berlaku dengan antibiotik dari keluarga yang sama (aminoglycosides).
- Sekiranya anda menggunakan Maxitrol Suspension untuk tempoh yang lama, anda mungkin:
 - Mengalami peningkatan tekanan pada mata anda. Anda perlu kerap memeriksa tekanan mata anda semasa menggunakan Maxitrol Suspension terutamanya sekiranya anda menghidap penyakit kencing manis).
 - Pembentukan katarak
 - Menjadi lebih mudah terdedah kepada jangkitan mata.
- sindrom Cushing kerana ubat itu masuk ke dalam darah anda. Bincang dengan doktor anda sekiranya anda mengalami bengkak dan berat badan di sekitar

tubuh badan dan pada muka kerana ini biasanya merupakan manifestasi pertama sindrom.

- Sekiranya simptom anda menjadi lebih teruk atau kembali secara tiba-tiba, bincang dengan doktor anda. Anda mungkin menjadi lebih terdedah kepada penyakit jangkitan pada mata selepas menggunakan ubat ini.
- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami penyakit kencing manis atau penyakit yang menyebabkan penipisan tisu mata sebelum menggunakan ubat ini.
- Jika anda memakai kanta sentuh:
 - pemakaian kanta sentuh (keras atau lembut) tidak digalakkan semasa rawatan keradangan atau jangkitan mata.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperoleh tanpa preskripsi.

Beritahu doktor anda terutamanya jika anda menggunakan:

- NSAID atau steroid topikal
- Ritonavir atau cobicistat (digunakan untuk merawat penyakit AIDS/HIV).

Cara menggunakan Maxitrol Suspension

- Berapa banyak harus digunakan

1 hingga 2 titis dalam sac konjunktiva 4 hingga 6 kali sehari. Dalam penyakit yang teruk, titisan boleh digunakan setiap jam, dan penggunaan boleh dikurangkan sehingga keradangan mata berhenti.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan Maxitrol Suspension teruskan dengan dos seterusnya seperti yang dirancang. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan Maxitrol Suspension yang terlebih daripada yang anda perlu, bilas semuanya dengan air suam. Jangan tambahkan titisan lagi sehingga masa untuk dos biasa seterusnya.

Semasa menggunakan Maxitrol Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa gunakan ubat ini sama seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi atau jururawat anda.
- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi atau jururawat anda jika anda tidak pasti.
- Selepas penutup dikeluarkan, jika kolar snap menjadi longgar, keluarkannya sebelum menggunakan produk.
- Hanya menitis Maxitrol Suspension pada mata anda sahaja.
- Pastikan kelopak mata ditutup dan pada masa yang sama, menggunakan tekanan lembut pada *lachrymal canal* (saluran air mata) dengan jari untuk mengehadkan jumlah ubat yang akan masuk ke dalam darah selepas menggunakan titisan mata.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Maxitrol Suspension kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sekiranya titisan terlepas pada mata anda, cuba sekali lagi.
- Pengawet dalam Maxitrol Suspension (benzalkonium chloride) boleh menyebabkan iritasi mata dan juga dikenali untuk melunturkan warna kanta sentuh lembut. Jika ahli profesional kesihatan anda bersetuju bahawa anda boleh menggunakan kanta lekup, anda harus mengeluarkannya sebelum menggunakan Maxitrol Suspension dan tunggu sekurang-kurangnya 15 minit sebelum meletakkan kanta sentuh anda kembali.

Memandu dan menggunakan jentera

Anda mungkin mendapati penglihatan anda menjadi kabur buat sementara waktu selepas anda menggunakan Maxitrol Suspension. Jangan memandu atau gunakan jentera sehingga kesan ini hilang.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut tentang penggunaan produk ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Maxitrol Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan-kesan sampingan berikut pernah dilaporkan dengan Maxitrol Suspension:

- Kesan sampingan yang tidak lazim (mungkin berlaku dalam 1 hingga 10 pengguna dalam 1,000):

- Kesan pada mata: keradangan pada permukaan mata, peningkatan tekanan mata, mata gatal, ketidakselesaan mata, kerengsaan mata

Kesan sampingan tambahan dari pengalaman selepas pemasaran yang dilaporkan yang kekerapannya tidak diketahui:

Kesan pada mata: ulser kornea, penglihatan kabur, kepekaan cahaya, peningkatan saiz pupil, melabuh kelopak mata, sakit mata, bengkak mata, sensasi yang tidak normal di mata, kemerahan mata, peningkatan pengeluaran air mata

- Kesan sampingan umum: alergi, sakit kepala, tindak balas kulit yang serius (Sindrom *Stevens-Johnson*).

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Reaksi yang serius termasuk ketoksikan pada saraf, telinga dan buah pinggang telah berlaku pada orang yang menerima penggunaan sistemik neomycin atau apabila digunakan secara topikal pada luka terbuka atau kulit yang rosak. Ketoksikan pada saraf dan buah pinggang juga berlaku dengan penggunaan sistemik polymyxin B. Walaupun kesan ini tidak dilaporkan berikutan ubat mata ini, adalah dinasihatkan supaya berhati-hati apabila digunakan bersamaan dengan terapi aminoglikosida atau polymyxin B sistemik.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Maxitrol Suspension

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30 °C.

Buang satu bulan selepas dibuka.

Tarikh kemaskini RiMUP

01/06/2023

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Nombor Siri

NPRA (R1/2) 19052023/101

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan mata yang steril.

Putih hingga kuning pucat, tiada mendapan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

1 mg dexamethasone, 3,500 (International Units) IU of neomycin sulfate and 6,000 IU polymyxin B sulfate.

- Bahan tidak aktif

Polysorbate 20 (E432), sodium chloride, hydrochloric acid and/or sodium hydroxide (to adjust pH), benzalkonium chloride, hypromellose (E464) and purified water.

- Nombor MAL

MAL19890183ACRZ

Pengilang

Siegfried El Masnou S.A.,
Camil Fabra 58,
08320 El Masnou, Barcelona,
Spain

Pemegang Pendaftaran Produk

Novartis Corporation (Malaysia) Sdn.
Bhd.
Level 18, Imazium,
No. 8, Jalan SS21/37,
Damansara Uptown,
47400 Petaling Jaya, Selangor

Versi PI terkini

TDOC-0051679 Versi: 2.0